

06/05/2002

Tambak laut: Nota bantahan kemuka fakta cukup

Misiah Taib

PETALING JAYA, Ahad - Nota bantahan yang diserahkan Malaysia kepada Singapura berhubung projek penambakan laut yang dijalankan republik itu mengemukakan fakta mencukupi untuk meminta Singapura menghentikan sementara kerja penambakan itu.

Nota bantahan itu berdasarkan kajian awal, fakta pengamatan dan kesan fizikal, yang berlaku di perairan terbabit.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia berpendapat fakta yang dikemukakan lebih daripada mencukupi untuk meminta Singapura menghentikan dulu kerja penambakan berkenaan, sementara kajian lebih terperinci, termasuk dari segi teknikal diteruskan.

Katanya, berdasarkan kajian awal dan pengamatan Malaysia, kerja penambakan itu menyebabkan perubahan kepada corak aliran arus yang semakin deras, hakisan pantai dan Selat Johor yang semakin sempit.

"Kita perlu melindungi kepentingan Malaysia dan kita rasa fakta yang dikemukakan itu sudah cukup terperinci untuk Singapura mengambil tindakan menghentikan dulu kerja penambakan laut yang kini giat dijalankan.

"Singapura seharusnya lebih bersikap terbuka dan bertolak ansur dengan mengambil kira kebimbangan serta kekhuatiran Malaysia dalam isu berkenaan," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-46 Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) Selangor Darul Ehsan, di Dewan Serba Guna Seri Kelana, Kelana Jaya di sini, hari ini.

Beliau berkata, di pihak Malaysia kajian teknikal akan tetap dijalankan, tetapi Malaysia tidak mahu, sementara menunggu kajian itu siap, kesan kerja penambakan itu sudah menjadi semakin serius.

Singapura katanya, perlu bertolak ansur dengan menghentikan dulu kerja berkenaan, sementara menunggu kajian teknikal termasuk laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) disiapkan, yang dijangka mengambil masa hingga enam bulan.

Syed Hamid berkata, Malaysia tidak boleh memaksa Singapura menghentikan kerja penambakan kerana seperti yang republik itu pertahankan ia adalah hak mereka kerana dilakukan dalam kawasan negara itu, tetapi sebagai negara berjiran, mereka perlu mengambil kira kebimbangan negara jiran yang akan mengalami kesan daripada kerja-kerja berkenaan.

"Jika Singapura meminta kita mengemukakan fakta lebih terperinci, kita akan mengemukakannya. Kajian teknikal sedang dijalankan dan keputusannya akan diserahkan kepada Kerajaan Singapura.

"Tetapi kita tidak mahu apabila kajian itu siap, ia sudah terlambat, kerana keadaan perairan sudah rosak teruk akibat kerja penambakan. Oleh itu perlu bagi Singapura menghentikan sementara kerja penambakan, sementara kita menyiapkan kajian teknikal," katanya.

Beliau berkata, jika Singapura meneruskan juga pendirian dan sikapnya dengan enggan menghentikan dulu operasi berkenaan, ia pastinya akan menyukarkan lagi keadaan.

"Di sini, rasa saling faham memahami penting. Kita harap mereka akan bersikap terbuka, apa lagi kita adalah jiran dekat. Kita tidak boleh berterusan mempunyai pendapat yang bercanggah mengenai isu-isu membabitkan kedua-dua negara sepanjang masa," katanya sambil menambah kedua-dua negara perlu bergerak ke depan dalam hubungan bersama.

Ditanya mengenai isu-isu tertangguh dalam hubungan dua hala dengan Singapura, Syed Hamid berkata, pada mulanya hasil daripada perbincangan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kanan

Singapura, Lee Kuan Yew, Malaysia bersetuju menggunakan pendekatan baru untuk menyelesaikan isu berkenaan.

Katanya, Kuan Yew menulis surat kepada Perdana Menteri dan Dr Mahathir juga sudah membalas surat berkenaan, dan selepas itu Malaysia menyatakan kefahamannya terhadap apa yang perlu diselesaikan secara bersama dalam isu pakej antara kedua-dua negara.

(END)